

# Buku motivasi beri impak positif kepada pembaca

Sering kali kita mendengar buku-buku motivasi yang diciptakan oleh penulis-penulis terkenal seperti Pahrol Mohd Juoi, Amin Idris, Zul Ramli M Razali, Rusnah Abu Samah dan ramai lagi. Buku-buku ini bukan sahaja motivasi untuk orang dewasa, malah ditujukan kepada remaja yang kini kurang bermotivasi dan tidak berfikir panjang.

Selain itu, terdapat juga buku-buku yang dikhaskan untuk wanita yang berkaitan dengan masalah dan hal-hal wanita.

Menurut kata-kata daripada penulis Zul Ramli M Razali di dalam bukunya, beliau mengatakan pengajaran itu hebat dalam perubahan diri. Ini bermakna motivasi perlu ada dalam diri seseorang itu agar lebih hebat dalam merubah diri ke arah jalan yang lurus iaitu kebaikan.



Membaca menggalakkan pertumbuhan **minda dan keperibadian sesuatu bangsa.**

[GAMBAR HIASAN]

## Buku mendidik jiwa wajar dibaca

Buku-buku ini boleh dikatakan amat perlu oleh umat pada masa kini, terutama buku-buku yang dapat mendidik jiwa dan mengasah ketiaan dan kepatuhan kita kepada Allah SWT.

Buku-buku yang terlaris pada masa ini seperti *U-turn Ke Jalan Lurus*, *Nota Hati Seorang Lelaki*, *Wanita Muslimah Alternatif terkini*, *Wadah Cinta Solehah* dan banyak lagi. Buku ini sebenarnya memberi impak yang positif kepada kita sebagai seorang pembaca, malahan juga dapat memberi pedoman dan pengajaran selepas membacanya.

Tambahan pula, bagi remaja yang memerlukan nasihat dan bimbingan daripada seseorang, tetapi tidak ada peluang untuk berjumpa dengan-

nya. Kita akan lebih bermotivasi dan berhati-hati apabila membuat sesuatu keputusan setelah membaca buku-buku berkaitan.

Walau bagaimana pun, buku *Wadah Cinta Solehah* yang ditujukan kepada wanita mempunyai maksud dan makna yang tersirat supaya dapat membantu wanita di luar sana. "Cinta itu suci, seputih sayap secebis rezeki, berkawan dan berpasangan, berserah pada qadar ilahi". Ini merupakan wadah cinta daripada penulis Rusnah Abu Samah.

Saya tertarik akan kata-katanya yang menyatakan cinta itu memerlukan keikhlasan dari hati dan wanita itu perlu pandai mencari rezeki, berkawan dan tidak bersendirian seterusnya berserah kepada keten-

tuan ilahi.

## Buku untuk seisi keluarga

Buku ini bukan hanya layak dibaca oleh golongan remaja, tetapi turut menjadi bahan bacaan yang boleh dikongsi seisi keluarga bagi membentuk sebuah keluarga Islam yang harmoni.

Selain itu, buku sebegini juga penuh dengan bahan dan maklumat yang paling berkesan dalam pembentukan keperibadian seorang remaja khususnya dan manusia amnya di dunia ini. Ia juga merupakan bahan bacaan ilmiah yang memainkan peranan penting dalam mencorak, menanam, dan menggalakkan pertumbuhan minda dan keperibadian sesuatu bangsa itu. Manusia yang berilmu sahaja yang mampu men-

gubah situasi sesebuah kaum atau sesuatu generasi itu.

Pelbagai impak dan kesan positif terhadap diri seseorang itu seperti dapat mencorakkan hati budi, mentaliti, sahsiah, rasa akauntabiliti, tanggungjawab dan kewajipan mereka untuk memihak dan menegakkan nilai-nilai luhur seperti kebenaran, kejujuran, keadilan dan sebagainya.

Buku ini juga boleh dijadikan bahan rujukan untuk ibu bapa atau sesiapa sahaja bagi menambah ilmu pengalaman dalam mendidik anak-anak remaja pada zaman yang serba mencabar ini.

**Nawal Natasha Ahmad Nasri,**  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama,  
Universiti Sains Islam Malaysia